

01/09/1999

Pelajar Melayu juga boleh maju

Perniagaan Al Bangsa

SAYA amat tertarik dengan kenyataan di Berita Minggu 1 Ogos 1999 bertajuk "Kaji Punca Kelemahan Pelajar Melayu". Pada pendapat saya, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang benar. Oleh itu pelajar kita harus sedar akan peluang yang diberi oleh kerajaan sejak dilahirkan hingga berada di tahap sekarang.

Perlu diingat mereka patut bersyukur kepada Tuhan yang mengurniakan nikmat kemerdekaan negara kita.

Pelajar Melayu boleh cemerlang jika ada motivasi diri yang kuat. Namun begitu naluri remaja mengatasi segalanya. Sejak kecil mereka didedah dengan komik ilmiah seperti asuh, lanun dan majalah ilmiah seperti Minda pelajar dan Dewan Siswa. Bahan bacaan ini dapat meningkatkan daya fikir di samping 'pengalaman' hasil corak membaca mereka.

Kesimpulannya masa dan ilmu sangat berharga kerana setiap manusia hanya diperuntukkan 24 jam sahaja sehari semalam. Dari itu kesedaran yang tinggi di samping sokongan dari semua pihak dapat melahirkan generasi pelapis berguna kepada negara, bangsa dan agama.